



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	24/8/2019	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



FOTO: BERNAMA

AZHAR Rahman, 29, cuba mengukur pokok Merbau yang tumbuh meliar di Kampung Kuala Nal, Kuala Krai.



## Merbau jadi pokok kebangsaan

**Kuala Lumpur:** Pokok merbau (*Malacca teak* atau *Intsia palembanica*) dipilih sebagai pokok kebangsaan.

Pengumuman itu dilakukan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika berucap merasmikan Pameran Hutan Kita di Menara Kuala Lumpur, hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau percaya rakyat Malaysia menerima pokok merbau sebagai satu simbol kebangsaan negara.

Dalam pada itu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar ber-

kata, pokok merbau dipilih sebagai lambang keutuhan integriti hutan negara.

Katanya, ia hasil pengurusan secara mampan dan usaha pemuliharaan khazanah biodiversiti Malaysia.

"Malaysia antara 12 negara paling kaya dengan biodiversiti di mana hampir 70 peratus spesies dunia ditemui di negara ini.

"Selain itu, dianggarkan

lebih 15,000 spesies tumbuhan vaskular dengan anggaran 8,300 ada di semenanjung manakala 12,000 lagi di Sabah dan Sarawak.

"Justeru, pemilihan pokok merbau ini secara tidak langsung menjadi simbol kepentingan hutan kepada pembangunan industri dan ekonomi negara," katanya semperna perasmian Pameran Hutan Kita, di sini.

Dalam pada itu, Xavier berkata, Pameran Hutan Kita berlangsung hingga 22 September depan dan ia satu inisiatif di bawah Program Konservasi Hutan Kita 2019-2020.

"Pameran itu juga sejajar dengan komitmen negara ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992, iaitu untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara di bawah litupan hutan," katanya.

Orang ramai dijemput hadir ke pameran itu dan masuk adalah percuma.

**FAKTA**  
Malaysia antara 12 negara paling kaya dengan biodiversiti